

# PM ucap takziah mangsa tragedi pesawat Jeju Air

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim sedih dan mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa kemalangan pesawat Jeju Air di Lapangan Terbang Antarabangsa Muan, Korea Selatan, pada Ahad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berdiri bersama rakyat Korea Selatan dan Thailand yang menjadi mangsa kemalangan itu pada masa kesedihan ini.

"Fikiran saya bersama keluarga dan orang tersayang mereka

yang kehilangan nyawa dalam tragedi yang menyayat hati ini.

"Kami menghulurkan ucapan takziah yang paling mendalam kepada semua yang terjejas," katanya dalam hantaran FB semalam.

Beliau berkata kemalangan itu berlaku ketika ramai yang berkumpul bersama keluarga dan rakan dan menghargai mereka yang disayangi.

"Marilah kita meluangkan sedikit masa untuk menghargai mereka yang ada di sekeliling

kita," katanya.

Sementara itu, Wisma Putra mengesahkan tiada rakyat Malaysia terbabit dalam nahas berkenaan.

"Pejabat Kedutaan Malaysia di Seoul mengesahkan tiada rakyat Malaysia menaiki pesawat Jeju Air Penerbangan 7C2216.

"Malaysia merakamkan rasa simpati dan takziah kepada mangsa dan keluarga yang terjejas dalam kejadian itu, serta kepada rakyat dan Kerajaan Republik Korea," katanya dalam

kenyataan, semalam.

Sebuah pesawat penumpang membawa 181 orang terbakar selepas terbabas dari landasan dan melanggar dinding di lapangan terbang di daerah Muan, barat daya Korea Selatan pada Ahad, dipercayai menyebabkan semua kecuali dua mangsa terkorban.

Agensi Berita *Yonhap*, yang memetik pihak berkuasa, melaporkan dua mangsa terselamat dan 167 mangsa sudah disahkan maut setakat jam 6 pe-

tang semalam, manakala baki-nya yang sebelum ini dilaporkan cedera parah, dianggap sudah meninggal dunia.

Kecuali dua yang diselamatkan daripada nahas itu, semua mangsa yang masih hilang dipercayai meninggal dunia, kata pihak bomba, sambil menambah operasi kini beralih kepada usaha mencari mayat.

**Pesawat Jeju Air terhempas, hanya dua selamat - Dunia 28**